PRAKTIS UPSR 3

Kertas 1

Setiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, A, B, C dan D.
Pilih jawapan yang betul.

Kuiz Digital

UPSR HIDUPAN SENI

1. Rajah 1 menunjukkan sejenis mikro-organisma.

Rajah 1

Apakah jenis mikroorganisma tersebut?
A Alga
B Virus
C Fungi
D Protozoa

2. Antara hidupan berikut, yang manakah boleh dilihat dengan mata kasar?

A 

B

C

D

3. Rajah 2 menunjukkan perubahan pada sebiji buah oren.



Rajah 2

Mikroorganisma yang manakah menyebabkan perubahan pada buah oren itu?
A Protozoa
B Bakteria
C Fungi
D Virus

4. Di manakah biasanya protozoa boleh dijumpai?
A Di udara
B Di dalam air
C Di dalam makanan
D Di dalam badan manusia

5. Apakah yang dimaksudkan dengan mikroorganisma?
A Hidupan yang bersaiz kecil
B Makhluk halus yang tidak kelihatan
C Hidupan yang boleh dilihat dengan mata kasar
D Hidupan seni yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar

6. Apakah alat yang boleh digunakan untuk memerhatikan mikroorganisma?

A

B

C

D

LIVEWORKSHEETS

Nama: ..... Kelas: .....

UPSR PROSES HIDUP MIKROORGANISMA

7. Apakah yang menyebabkan roti naik apabila yis ditambahkan ke dalam doh roti?
   A Yis bernafas
   B Yis bergerak
   C Yis membiak
   D Yis bertumbuh

8. Rajah 3 menunjukkan saiz koloni kulat di atas sekeping roti dari hari ke-2 hingga hari ke-4.

Hari pertama Hari ke-2 Hari ke-4

Rajah 3

Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan pemerhatian ini?
   A Mikroorganisma bergerak
   B Mikroorganisma bernafas
   C Mikroorganisma bertumbuh
   D Mikroorganisma adalah hidupan seni

9. Jiao Long meletakkan setitis air kolam di atas slaid kaca dan menutup titisan air kolam dengan sisip kaca. Dia kemudiannya memerhatikan slaid itu di bawah mikroskop.

Rajah 4

Apakah pemerhatian yang mungkin dibuat oleh Jiao Long?
   A Mikroorganisma kelihatan semakin membesar.
   B Tiada sebarang mikroorganisma di dalam air kolam.
   C Semua mikroorganisma mati apabila dilihat di bawah mikroskop.
   D Mikroorganisma di dalam kolam bergerak bebas di dalam air.

UPSR PERTUMBUHAN MIKROB

10. Cik Kumari menguli tepung gandum, sedikit marjerin, telur dan air untuk dijadikan doh roti. Dia mendapati doh itu tidak mengembang selepas dibiarkan selama satu jam. Apakah yang perlu dilakukan untuk menjadikan doh itu mengembang? KBAT Mengaplikasi
   A Tambahkan masa menguli doh tersebut
   B Tambahkan yis ke dalam doh itu
   C Tambahkan sedikit air ke dalam doh itu
   D Tambahkan sedikit tepung jagung ke dalam doh itu

11. Shida merenjiskan beberapa titis air ke atas sekeping roti. Kemudian, dia meletakkan roti itu di dalam bekas yang bertutup. Ramalkan apa yang akan berlaku selepas seminggu. KBAT Menganalisis
   A Keadaan roti tidak berubah.
   B Roti akan naik dan mengembang.
   C Roti akan menjadi keras dan kering.
   D Roti akan diliputi oleh tompokan kulat.

UPSR KESAN BURUK MIKROORGANISMA

12. Rajah 5 menunjukkan keadaan gigi seorang murid. KSSR UPSR 2018

Rajah 5

Apakah punca gigi murid itu menjadi rosak?
   A Selalu menggosok gigi
   B Suka minum minuman manis
   C Menggosok gigi tanpa [illegible]
   D Tindakan bakteria di dalam mulut

LIVEWORKSHEETS

13. Antara penyakit berikut, yang manakah merupakan penyakit berjangkit?
A Kencing manis
B Sakit jantung
C Selesema
D Asma

14. Antara penyakit berikut, yang manakah boleh tersebar melalui makanan dan air yang tercemar?
A Taun
B Kurap
C Campak
D Demam denggi

15. Rajah 6 menunjukkan keadaan di sebuah gerai menjual makanan.

Rajah 6

Apakah kesan yang mungkin dialami jika seseorang memakan makanan yang dijual di gerai itu?
A Gigi reput
B Selesema
C Darah tinggi
D Keracunan makanan

UPSR KEGUNAAN MIKROORGANISMA

16. Antara yang berikut, yang manakah bukan kegunaan mikroorganisma?
A Membuat makanan
B Menghasilkan perabot
C Menguraikan bahan organik
D Menghasilkan antibiotik dan vaksin

17. Antara bahan berikut, yang manakah melibatkan penggunaan bakteria dalam penghasilannya?
A Antibiotik
B Gula-gula
C Ubat batuk
D Sirap

18. Apakah jenis mikroorganisma yang digunakan dalam pembuatan tempe?
A Virus
B Fungi
C Bakteria
D Protozoa

19. Apakah kegunaan lain bagi bakteria selain daripada digunakan dalam pembuatan yogurt?
A Untuk membuat roti
B Untuk membuat keju
C Untuk membuat tapai
D Untuk membuat biskut

20. Rajah 7 menunjukkan proses rawatan sisa di sebuah loji kumbahan.



Rajah 7

Mikroorganisma X digunakan untuk merawat sisa kumbahan dan memusnahkan sisa-sisa toksik yang terdapat di dalam loji kumbahan. Apakah mikroorganisma X?
A Alga
B Virus
C Bakteria
D Protozoa

21. Antara mikroorganisma berikut, yang manakah terlibat dalam penghasilan baja organik?

W – Bakteria
X – Fungi
Y – Protozoa
Z – Alga

A W dan X
B X dan Y
C Y dan Z
D W dan Z

LIVEWORKSHEETS

Nama: ..... Kelas: .....

UPSR HIDUP SIHAT, HIDUP SEJAHTERA

22. Antara yang berikut, yang manakah dapat mencegah penyakit berjangkit daripada merebak? (KSSR 2017)
   A Membasuh tangan selepas makan
   B Minum air dengan banyak setiap hari
   C Memakai penutup kepala semasa mandi
   D Tidak berkongsi peralatan peribadi dengan orang lain

23. Rajah 8 menunjukkan carta palang bagi jumlah murid kelas 6 Rajawali yang menghidap demam selesema.



Rajah 8

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan maklumat dalam Rajah 8?

KBAT Menganalisis

   A Kita perlu mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit berjangkit.
   B Penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma boleh merebak.
   C Kita tidak boleh mengganggu hak orang lain.
   D Kita perlu mengamalkan kebersihan diri.

24. Atika telah dijangkiti cacar air.

Apakah yang perlu Atika lakukan untuk mengelakkan penyakit itu daripada merebak?

   A Menutup mata dengan sapu tangan
   B Sentiasa membasuh tangannya
   C Memakai penutup mulut
   D Kuarantin di dalam rumah

UPSR AMALAN HARIAN YANG SIHAT

25. Antara yang berikut, yang manakah merupakan amalan harian yang sihat?
   A Menghidu asap lori
   B Berkongsi berus gigi dengan orang lain
   C Bergaul bebas dengan rakan yang sedang menghidap penyakit berjangkit
   D Membersihkan tangan dengan sabun selepas menggunakan tandas

26. Rajah 9 menunjukkan seorang tukang masak sedang menyediakan makanan di sebuah restoran.

Rajah 9

Mengapakah seorang tukang masak disarankan menutup rambutnya semasa menyediakan makanan?

   A Untuk mengelakkan rambut terjatuh dan mencemari makanan yang disediakannya
   B Untuk mengelakkan makanan itu daripada cepat menjadi basi
   C Supaya kelihatan kemas dan bersih
   D Untuk menarik perhatian pelanggan

27. Haikal mendapati bekal nasi yang dibawanya telah basi. Apakah yang perlu dilakukannya?
   A Makan nasi tersebut
   B Membuang nasi tersebut ke dalam tong sampah
   C Membasuh nasi tersebut dengan air yang banyak
   D Memberitahu guru kelas tentang perkara tersebut

LIVEWORKSHEETS